

10/07/1999

Dr M jadi pengerusi

PUTRAJAYA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan sesi kerja di antara Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) dan pegawai kanan kerajaan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini.

Anggota panel berkenaan, yang merangkumi tokoh utama sektor teknologi maklumat (IT), dan pegawai kerajaan termasuk menteri Kabinet, membincangkan perkembangan terkini projek MSC.

Selepas sesi berkenaan, Dr Mahathir mengadakan sidang akhbar selama 45 minit yang dihadiri anggota IAP.

Terdahulu, anggota IAP melawat Taman Wetlands Putrajaya yang menjadi kawasan ekologi ulung pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan yang baru.

Dr Mahathir kemudian menunaikan solat Jumaat di Masjid Putra di sini, sebelum merasmikan Makmal NTT Corp yang baru di Cyberjaya.

(END)